Utusan Borneo: 30 Oktober 2026

Wanita Indonesia didenda RM3,500 kerana terlibat aktiviti persundalan

KUCHING: Seorang wanita dari Singkawang, Indonesia dijatuhi hukuman denda RM3,500 di Mahkamah Majistret semalam selepas mengaku bersalah terlibat dengan aktiviti persundalan di sebuah pusat refleksologi Jalan Batu Kawa di sini, dengan bayaran RM250.

Majistret Nureina Syafika Mohd Najib memerintahkan Diana Sri Mondo, 31, untuk dipenjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda.

Dianadidakwamenawarkan khidmat seksual bagi tujuan persundalan dengan bayaran tunaiRM250pada16Oktober 2026, sekitar jam 3.15 petang di bilik tidak bernombor di sebuah pusat refleksologi di Jalan Batu Kawa di sini.

Pertuduhandibuatmengikut Seksyen 372B Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga setahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan keterangan kes, polis semasa Ops Noda melakukan serbuan di premis tersebut untuk mengesan kegiatan persundalan.

Semasa pemeriksaan dilakukan di salah sebuah bilik, polis menemui seorang lelaki dan seorang perempuan (Diana) berada di dalam bilik itu dalam keadaan berbogel.

Hasil pemeriksaan lanjut mendapati lelaki berkenaan merupakan warga tempatan, sementara Diana ialah seorang warganegara Indonesia yang gagal mengemukakan dokumen perjalanan sah kepada polis apabila diminta.

Sehubungan itu, polis menahan Diana untuk tindakan lanjut dan merampas beberapa barangan yang dipercayai berkaitan dengan kes itu.

Ia termasuk sebotol minyak urut, sekeping kondom yang belum digunakan, satu peket tisu kering dan basah setiap satu, sehelai tuala serta wang tunai RM250.

Siasatan lanjut mendapati Diana melakukan aktiviti persundalan dengan mengajak serta menawarkan perkhidmatan seks kepada pelanggannya.

Sementara itu di Mahkamah Sesyen semalam, Diana mengaku bersalah atas pertuduhan tinggal lebih masa di Malaysia, iaitu selepas tempoh pasnya tamat, mengikut Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

Hakim Mursyida Abd Halim menjatuhkan hukuman penjara empat bulan terhadapnya berkuat kuasa semalam, selain memerintahkan Diana untuk dihantar pulang ke negara asalnya selepas selesai menjalani hukuman.

Pendakwaan dilakukan secara berasingan oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Ahmad Fauzulutfi Suriani dan DPP Marvind Kaliyani sementara Diana tidak diwakili peguam.